

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG

Bahasa digunakan sebagai alat komunikasi oleh anggota masyarakat penuturnya untuk menjalin hubungan dengan anggota masyarakat lain yang mempunyai persamaan bahasa. Komunikasi dapat dilakukan secara individu atau secara berkelompok. Bahasa juga bertindak sebagai alat perpaduan yang memungkinkan penuturnya berasa dirinya terikat dengan kelompok sosial yang menggunakan bahasa yang sama. Para anggota kelompok sosial itu dapat bekerjasama dengan membentuk masyarakat bahasa yang sama yang memungkinkan terlaksananya perpaduan di antara anggota dalam kelompok sosial itu.

Selain bahasa yang sama yang dapat difahami di kalangan anggota penuturnya, satu lagi perkara penting ialah bahasa itu perlulah tidak berubah secara mengejut. Sebarang perubahan yang berlaku terhadap bahasa perlulah berlaku secara evolusi atau beransur-ansur. Fenomena perubahan bahasa inilah yang akan dikaji secara umum dalam kajian ini, khususnya perubahan istilah dalam dua masa yang berlainan.

1.1 PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN

Bahasa Melayu tergolong ke dalam cabang Nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah Karim et.al, 1989 : 2). Cabang Nusantara mempunyai jumlah bahasa yang paling banyak, iaitu kira-kira 200-300. Bilangan penutur asalnya sederhana, iaitu yang tinggal di sekitar Semenanjung Tanah Melayu, kepulauan Riau, dan di Sumatera. Tetapi sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan daerah kepulauan Melayu sejak zaman berzaman. Bahasa ini digunakan sebagai bahasa

perhubungan antara orang-orang yang tinggal di kepulauan Melayu dan oleh orang-orang yang mendarat, seperti pedagang-pedagang dari Eropah dan Asia Barat, dan pengembara-pengembara dari India dan China. Dari bahasa masyarakat yang agak rendah kebudayaan serta ilmu pengetahuannya, bahasa Melayu mengalami perubahan pertama ke arah bahasa sarjana, yang berupaya menyampaikan idea-idea baru yang tinggi-tinggi. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sama ada di Indonesia, Malaysia mahupun di Brunei Darussalam bukanlah dibuat secara sewenang-wenang. Pemilihan itu dibuat terutama disebabkan faktor sejarah bahasa tersebut, iaitu bahasa yang sudah dikenali dan telah digunakan sejak zaman berzaman dahulu. Dasar bahasa di Malaysia yang meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152).

1.2 DASAR PERANCANGAN BAHASA NEGARA

Perancangan bahasa mencakupi segala usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah negara untuk memastikan bahawa sistem verbalnya, iaitu yang menggunakan bahasa berjalan lancar dalam segala bidang kehidupan seluruh negara, terutama sekali dalam bidang pendidikan, ekonomi dan pentadbiran, serta dalam penyatuan negara (Asmah, 1985 : 3). Usaha ini termasuklah yang pertama, iaitu perancangan taraf bahasa, iaitu menentukan kedudukan bahasa yang dipilih sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Dalam hal ini, bahasa Melayu telah menerima amanah tersebut. Usaha kedua pula ialah perancangan korpus bahasa yang mencakupi penciptaan istilah, sistem ejaan dan tatabahasa. Dengan adanya dasar inilah maka suatu jawatankuasa telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) yang ditugaskan untuk menentukan soal-soal dasar bahasa kebangsaan berjalan lancar. Hasil

kerja jawatankuasa ini telah melahirkan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (PUPIBM) pada tahun 1972. Di dalam buku inilah termaktubnya dasar-dasar pembentukan istilah.

1.3 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEBAGAI BADAN RASMI PERANCANGAN BAHASA

Proses perubahan demi perubahan yang berlaku terhadap bahasa Melayu haruslah dianggap sebagai satu cabaran untuk menyesuaikan bahasa itu dengan tugas baru sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa yang dicita-citakan dapat menghadapi peradaban dunia moden. Pindaan dan perubahan yang dilakukan terhadap Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perubahan 1995) menampakkan kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi kuasa menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia malahan di Sabah dan Sarawak. Kuasa Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan perancangan bahasa telah diiktiraf dengan terang melalui Akta Pindaan 1995 iaitu :

- a. untuk membina dan memperkembangkan bahasa kebangsaan di dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.
- b. untuk membakukan ejaan, sebutan dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

Dua subseksyen pada seksyen 5 ditambah iaitu:

- i. untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul, dan
- ii. menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

1.4 PERANAN ISTILAH DALAM PEMBINAAN BAHASA

Dalam usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di rantau ini terutama dalam bidang sains dan teknologi (termasuk biologi) bagi memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan, tidak dapat dinafikan bahawa istilah memainkan peranan yang amat penting. Hal ini kerana istilah merupakan unsur pembeza antara bahasa umum dengan bahasa teknikal, dan membantu melancarkan komunikasi dalam bidang sains dan teknologi.

1.4.1 Definisi Istilah

Istilah ialah kata atau gabungan kata yang dengan jelas menerangkan makna , konsep, proses, keadaan atau ciri yang khusus dalam bidang tertentu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 1). Dalam *Kamus Dewan, DBP*, 1994 pula, istilah ditakrifkan sebagai perkataan yang mempunyai makna khusus dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Manakala Felber (1995: 80) dalam buku *Panduan Peristilahan* terjemahan Zahrah Abd. Ghafur dan Salamiah Mat Sah mentakrifkan istilah sebagai suatu simbol linguistik yang boleh terdiri daripada kata, rangkai kata atau frasa, simbol grafik, singkatan initialisme, akronim dan notasi yang mewakili satu atau lebih konsep dalam bidang tertentu. Istilah juga ditakrifkan sebagai sebarang lambang konvensional bagi suatu konsep yang terdiri daripada bunyi-bunyi ujaran atau representasi tulisan. Suatu istilah boleh berupa kata atau frasa (Pitch & Draskau, 1985 : 96). Daripada ketiga-tiga takrif ini dapat disimpulkan bahawa istilah merupakan lambang bahasa yang mewakili konsep dalam bidang-bidang tertentu.

1.4.2 Kaedah Pembentukan Istilah Secara Intuisi

Kaedah pembentukan istilah secara intuisi merupakan salah satu cara membentuk atau mendapatkan istilah baru selain satu lagi cara, iaitu pembentukan istilah secara peminjaman kata. Pembentukan istilah secara intuisi berlaku apabila kita membentuk istilah itu daripada bahasa kita sendiri secara tidak sedar (Ismail Dahaman, 1992 : 5 – 6). Pengguna asli bahasa Melayu sentiasa membentuk atau meminjam kata dalam bahasa Melayu itu sendiri untuk menyatakan makna baru atau untuk menggambarkan alam sekitar kita yang sentiasa berkembang dan berubah. Misalnya, daripada kata ‘makan’ dapat diterbitkan perkataan baru ‘makanan’ dengan menggunakan akhiran –an, yang bertugas sebagai kata nama. Dengan menggunakan awalan peN-, perkataan baru ‘pemakan’ dapat dibentuk, yang bermaksud orang yang memakan. Kemudian, apabila ilmu semakin berkembang, timbul pula konsep atau makna baru yang mungkin belum pernah digambarkan oleh bahasa Melayu, tetapi sudah ada istilahnya dalam bahasa asing, misalnya istilah *nutrition* dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini, pengucap asli bahasa Melayu akan cuba menganalisis potensi tatabahasa bahasa Melayu untuk menerbitkan kata baru yang dapat mengungkapkan makna yang lebih khusus itu. Melalui proses ini kata baru, iaitu ‘pemakanan’ yang menggunakan dua imbuhan serentak, awalan pe- dan akhiran –an telah dibentuk untuk menyatakan makna itu. Dengan perkataan lain, istilah pemakanan dibentuk daripada proses morfologi bahasa Melayu untuk memberi makna *nutrition*.

1.4.3 Kaedah Pembentukan Istilah Melalui Peminjaman Kata

Satu lagi cara yang digunakan untuk memperluas daya pengungkapan bahasa Melayu adalah dengan meminjam kata daripada bahasa asing untuk menyatakan makna atau

konsep yang khusus. Beberapa syarat perlu dipenuhi dalam peminjaman istilah asing, iaitu, (i) Istilah asing itu diserap setelah ejaannya disesuaikan dengan ejaan bahasa Melayu, dan dalam penulisan kata asing itu, bentuk visualnya diutamakan. Misalnya, istilah ‘aerob’ yang dipinjam dan disesuaikan daripada kata asing *aerobe*. (ii) Pada masa-masa tertentu, penyerapan istilah asing ke dalam bahasa Melayu perlu dibuat secara *in toto* atau istilah asing diambil tanpa sebarang perubahan. Misalnya, *in vivo* bagi istilah asing *in vivo*. (iii) Istilah asing tertentu ada yang perlu diterjemah ke dalam bahasa Melayu, misalnya ‘kacuk’ ialah terjemahan bagi kata asing *breed*.

1.4.4 Teori Umum Peristilahan

Menurut Teori Umum Peristilahan (TUP) yang dikemukakan oleh Wuster (1931, dalam Felber, 1995 : 79 - 81) kerja peristilahan bermula dengan konsep. Konsep utama dan konsep berkaitan dalam bidang tertentu dipisahkan untuk memudahkan penentuan konsep dasar dan konsep turunan atau konsep terbitan kemudiannya. Konsep utama ialah konsep dasar dalam bidang tertentu, misalnya ‘kitar’ dalam bidang Biologi. Manakala konsep yang berkaitan pula ialah konsep terbitan, misalnya ‘kitar hidup’. Dalam kedua-dua jenis konsep itu, ruang lingkup konsep adalah bebas daripada ruang lingkup istilah kerana istilah merupakan lambang linguistik bagi konsep, manakala konsep pula ialah makna bagi sesuatu istilah. Dalam TUP, hanya istilah yang berupa lambang bagi konsep yang mesti diutamakan. Peraturan-peraturan infleksi dan sintaksis bagi istilah merupakan perkara sekunder, kerana peraturan-peraturan tatabahasa dapat dimanfaatkan daripada bahasa umum. TUP juga menganggap istilah bersifat terkini dan benar dalam kegunaan pada waktu itu. Oleh itu, bagi sesuatu istilah, makna kini adalah terpenting kerana sistem konsep merupakan hal yang baru berlaku dalam bahasa mutakhir. Seterusnya, TUP juga

menerima hakikat bahawa istilah ialah ciptaan yang dirancang, iaitu ciptaan yang dibuat untuk menamai konsep tertentu dalam bidang tertentu untuk mengelakkan kekeliruan dan kekacauan dengan konsep-konsep lain. Oleh sebab itu, dalam TUP kerja peristilahan lebih bersifat preskriptif. TUP juga bersifat antaradisiplin, iaitu ia membabitkan keadaan saling bergantung antara bidang-bidang linguistik, logik, ontologi dan pelbagai bidang khusus lain seperti fizik, biologi dan kejuruteraan (Felber, 1995 : 85 - 88).

1.4.5 Tatacara Pembentukan Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Tatacara pembentukan istilah DBP adalah menurut yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM). Menurut JKTBM, kerja peristilahan hendaklah bermula dengan konsep. Seterusnya langkah-langkah berikut diikuti dalam pemilihan kata untuk membentuk istilah (JKTBM, 1992 : 4 – 7), iaitu :

Langkah 1 – Pilih kata dalam bahasa Melayu yang lazim digunakan.

Langkah 2 – Pilih kata dalam bahasa Melayu yang sudah tidak lazim digunakan.

Langkah 3 – Pilih kata dalam bahasa serumpun yang lazim digunakan.

Langkah 4 – Pilih kata dalam bahasa serumpun yang sudah tidak lazim digunakan.

Langkah 5 – Pilih kata dalam bahasa Inggeris.

Langkah 6 – Pilih kata dalam bahasa asing lain.

Langkah 7 – Pilih yang terbaik antara pilihan 1 – 6.

Istilah bagi 1 – 4 hendaklah merupakan (i) ungkapan yang paling singkat, (ii) ungkapan yang maknanya tidak menyimpang, (iii) ungkapan yang tidak berkonotasi buruk, (iv) ungkapan yang sedap didengar. Istilah yang dibentuk daripada langkah 5 – 6 pula hendaklah merupakan (i) ungkapan asing yang lebih secocok, (ii) ungkapan asing yang

memudahkan pengalihan antara bahasa, (iii) ungkapan asing yang memudahkan kesepakatan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia demi untuk penyelarasan bahasa antara dua negara berkenaan. Pembentukan istilah menggunakan langkah 5 – 6 sering menimbulkan pergeseran makna antara istilah sumber dengan istilah sasaran yang tergubal jika proses penterjemahan itu tidak dilakukan dengan teliti. JKTBM juga menetapkan supaya kata-kata yang diserapkan daripada bahasa Inggeris atau bahasa lain pula hendaklah disesuaikan dengan ejaan dan sebutan bahasa Melayu.

Menurut Felber (1995 : 151 - 153), kata untuk membentuk istilah hendaklah tidak taksa (tidak polisem, tidak homonim dan tidak sinonim), tidak melibatkan perubahan makna, membabitkan penerbitan kata dan proses transliterasi.

1.4.6 Sejarah Perkembangan Pembentukan dan Penyebaran Istilah

Istilah telah lama wujud, iaitu sejak manusia mula mengenal tamadun lagi kerana istilah perlu digunakan untuk manusia berkomunikasi dalam kehidupan sehari-hari (Asmah Haji Omar, 1992 : 110). Istilah terbentuk mengikut keperluan komuniti. Apabila sesuatu istilah itu tercipta, istilah itu terus tersebar sama ada melalui media cetak atau media elektronik kepada seluruh masyarakat. Lama-kelamaan istilah itu pun menjadi milik bersama masyarakat. Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mencapai aspirasi negara untuk menjadi negara maju mengikut acuan sendiri, keperluan terhadap pembentukan istilah dalam bidang sains dan teknologi amat jelas. Hal ini kerana istilah dapat membantu melancarkan komunikasi dalam bidang sains dan teknologi melalui bahasa Melayu iaitu bahasa yang menjadi identiti negara dan bangsa Malaysia.

Pada abad ke-20 apabila timbulnya kesedaran tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai pusaka dan identiti bangsa, maka muncullah beberapa persatuan bahasa Melayu

di Semenanjung Malaysia (Asmah Haji Omar, 1992 : 191 - 192). Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan tersebut termasuklah membentuk kata baru, iaitu istilah untuk menampung keperluan pengguna bahasa. Walau bagaimanapun, pembinaan istilah secara menyeluruh dan terancang hanya bermula dengan tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956. Perubahan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan), 1995 telah memberikan kuasa kepada DBP menjadi pihak berkuasa penyelaras yang tunggal dalam membentuk, mencipta, dan membakukan istilah dalam bahasa kebangsaan. Dengan pindaan ini, DBP secara jelas dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan seluruh pembentukan istilah dalam bahasa kebangsaan, dan pengguna bahasa pula perlu merujuk kepada DBP terlebih dahulu sebelum sebarang istilah dalam bahasa Melayu digunakan. Untuk itu, usaha-usaha pembentukan dan pengembangan istilah oleh DBP bagi memenuhi permintaan dan keperluan semasa dan akan datang, khususnya bagi memudahkan kerja penulisan dan penterjemahan karya ilmu pengetahuan tinggi yang kian berkembang, terus menjadi agenda utama DBP. Aktiviti penggubalan yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Peristilahan, Dewan Bahasa dan Pustaka meliputi pengumpulan, penghuraian, pembentukan, pengesahan dan penyelarasan istilah. Istilah-istilah yang telah digubal diterbitkan dalam bentuk daftar istilah, kamus istilah atau glosari istilah.

1.4.7 Masalah dalam Pembentukan Istilah

Dalam pembentukan istilah, masalah yang sering dihadapi di antaranya adalah seperti yang berikut (Hassan Ahmad, 1992 : 10 – 11) :

- (i) Kegagalan mencari perkataan yang sesuai – Masalah ini sering berlaku apabila individu atau kumpulan pembentuk istilah itu gagal untuk mencari perkataan yang

sesuai dalam bahasa sendiri untuk mendukung makna dan konsep yang sudah ada dalam bahasa asing. Apabila keadaan ini berlaku, ini belum tentu menunjukkan bahawa kata atau gabungan kata yang sesuai tidak ada dalam bahasa kita sendiri. Ini mungkin disebabkan individu dalam kumpulan itu tidak tahu adanya kata berkenaan. Masalah ini juga timbul mungkin kerana kesuntukan masa yang diberikan kepada para pembentuk istilah, mereka lazimnya bekerja dalam waktu yang terhad. Oleh sebab itu, masa untuk berfikir panjang dan mencari sumber-sumber kata yang sesuai kadang kala tidak mencukupi. Akibatnya, kita terikat dengan istilah atau kata asing atau berusaha menterjemahkan kata asing itu secara satu lawan satu, sehingga kata terjemahan bahasa Melayunya tidak selaras dengan kata asing itu dari segi pertalian semantiknya, atau mungkin juga kita akan meminjam kata asing sedangkan sebenarnya ada kata dalam bahasa Melayu sendiri yang dapat diperluaskan maknanya untuk mencakupi makna khas yang digambarkan oleh istilah asing itu.

- (ii) Kurangnya kebolehan dalam memahami dan menggunakan alat tatabahasa – keadaan ini berlaku apabila individu yang membentuk istilah itu kurang kebolehan dalam menggunakan alat tatabahasa yang ada dalam bahasa Melayu itu sendiri untuk membantunya dalam pembinaan atau penerbitan kata atau istilah baru. Ini kerana, istilah itu bukanlah hanya mencakupi makna dan konsep sahaja, tetapi ia juga mencakupi soal pemilihan bentuk yang betul dan sesuai. Aspek tatabahasa yang penting dalam pembentukan istilah ialah aspek morfologi, terutama sekali tentang sistem pengimbuhan. Masalah ini ditambah lagi dengan persaingan antara sistem bahasa Melayu dengan sistem bahasa Inggeris.

Misalnya, kecenderungan individu dalam menyerap akhiran bahasa Inggeris *-ity* dengan menyesuaikan ejaannya menjadi *-iti*. Ada pula yang mempertahankan sistem bahasa Melayu yang memilih untuk menggantikan akhiran *-ity* dengan *-an* dalam bahasa Melayu. Kecenderungan berlakunya hal begini mengakibatkan lahirnya istilah yang sama maknanya tetapi mempunyai bentuk yang berlainan.

- (iii) Kekurangan rujukan tentang sistem bahasa dan kata bahasa serumpun yang dapat digunakan untuk memperkaya peristilahan dalam bahasa Melayu.
- (iv) Kesukaran dalam menyelaraskan istilah, terutama sekali penyelarasan istilah antara bidang.

1.5 PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Bertitik tolak daripada masalah perubahan istilah yang dikatakan sering mengganggu kelancaran pembelajaran pelajar pada peringkat sekolah rendah, menengah mahupun universiti, kajian ini pada amnya bertujuan untuk melihat sejauh mana perubahan istilah telah berlaku dalam tempoh masa dua puluh tahun.

1.5.1 Objektif Khusus Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti beberapa perkara seperti yang berikut :

- i. Mengenal pasti adakah perubahan bahasa berlaku dalam dua tempoh masa yang berlainan. Perubahan bahasa dikaji dari segi morfologi dan semantik.
- ii. Mengkategorikan pola perubahan bahasa dari segi morfologi dalam dua tempoh masa yang berlainan.
- iii. Menganalisis kepelbagai bentuk bahasa dalam dua tempoh masa yang berlainan.

1.6 SOALAN PENYELIDIKAN

Berdasarkan kepada objektif khusus kajian, berikut adalah soalan-soalan kajian yang akan dijawab pada akhir kajian ini :

- i. Apakah perubahan bahasa berlaku dalam dua tempoh masa yang berlainan ? Adakah perubahan yang berlaku melibatkan perubahan morfologi dan/atau semantik, serta apakah perkaitan antara kedua-duanya ?
- ii. Apakah terdapat pola tertentu perubahan bahasa dari segi morfologi dalam dua tempoh masa yang berlainan ?
- iii. Adakah terdapat persamaan atau perbezaan kepelbagaiannya bentuk bahasa dalam dua tempoh masa yang berlainan ?

1.7 SKOP KAJIAN

Dalam pengumpulan data, pengkaji membataskannya kepada bahan bertulis sahaja, walaupun terdapat sejumlah istilah yang tercipta secara spontan dan tersebar melalui media selain media cetak. Perubahan bahasa yang dipilih untuk dikaji ialah perubahan istilah bidang Biologi kerana istilah mewakili sebahagian besar kosa kata yang digunakan oleh masyarakat masa kini, manakala Biologi merupakan salah satu bidang sains yang istilahnya banyak digunakan sehari-hari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu, kajian perubahan istilah Biologi mungkin boleh mewakili perubahan bahasa umum. Data yang digunakan diperoleh daripada buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian (Ingeris – Melayu)* (1968), dan buku *Istilah Biologi (bahasa Inggeris – bahasa Malaysia)* (1988). Data ini dipilih kerana istilah yang diterbitkan oleh DBP merupakan hasil usaha yang terancang bermula daripada pembentukan sebuah Jawatankuasa Istilah

(JKI) yang terdiri daripada pakar dalam bidang berkaitan, sesi mesyuarat pengesahan istilah sehingga terbitnya buku istilah. Data ini juga merupakan hasil dokumentasi yang sistematis yang dapat memudahkan kajian dijalankan. Usaha penggubalan istilah Biologi telah bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Istilah Kajihayat pada tahun 1965 yang telah berjaya menerbitkan hasil pertamanya iaitu buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian (Inggeris – Melayu)* pada tahun 1968. Buku ini mengandungi 322 halaman dengan jumlah istilahnya 8 594 istilah, yang terdiri daripada istilah bidang Pertanian, Perhutanan, dan Kajihayat. Walau bagaimanapun istilah yang dianalisis ialah istilah bidang Kajihayat sahaja. Jawatankuasa yang mengusahakan buku ini terdiri daripada para pakar bidang dari Universiti Malaya, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, dan Kolej Pertanian Serdang (Kementerian Pertanian). Dasar yang digunakan dalam usaha membentuk dan mencipta istilah dalam buku berkenaan adalah berpandukan kepada *Pedoman Membentok Istilah2 Baharu Dewan Bahasa dan Pustaka*. Pada mulanya istilah kajihayat yang diusahakan adalah untuk memenuhi keperluan pelajaran rampaian sains atau pun sains am. Kemudiannya diusahakan pula istilah-istilah yang digunakan dalam sains jati di peringkat Sijil Persekolahan, Sijil Tinggi Persekolahan dan peringkat awal universiti. Umumnya kegiatan penggubalan istilah pada peringkat awal ini boleh dikatakan hanya sekadar untuk menampung keperluan penggunaan istilah dalam bidang pendidikan yang sangat terbatas.

Seterusnya pengemaskinian dan penyesuaian dengan keperluan semasa telah dilakukan terhadap sebahagian besar istilah-istilah tersebut lalu terhasilah buku *Istilah Biologi (Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia)* pada tahun 1988. Buku ini mempunyai 414 halaman dengan jumlah istilahnya 22 770 istilah, kesemuanya istilah Biologi.

Jawatankuasa yang mengusahakan buku ini ialah Jawatankuasa Istilah Biologi Antara Universiti/Dewan Bahasa dan Pustaka. Pembentukan istilah dalam buku ini juga dihasilkan secara lebih sistematis berpandukan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (PUPIBM) serta beberapa buku pedoman lain, di samping prinsip serta kaedah peristilahan yang diamalkan oleh badan-badan peristilahan antarabangsa. Penggubalan istilah ini diusahakan atas kesedaran bahawa keperluan penggunaannya semakin bertambah.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Walaupun pada hakikatnya perubahan kata bukanlah sesuatu yang janggal dalam apa jua bahasa di dunia ini selagi bahasa itu berkembang, namun perubahan yang berlaku biarlah kerana adanya peluasan atau penyempitan makna konsep kata itu dan biarlah ia berlaku secara evolusi dan bukannya secara mengejut. Di samping itu, kata yang sudah mantap, apatah lagi yang sudah lama dan meluas dipakai dalam tulisan dan percakapan sehari-hari tidak wajar digantikan dengan yang lain. Oleh yang demikian, kajian ini amat penting untuk melihat adakah fenomena perubahan bahasa (jika berlaku) berlaku mengikut landasan yang dinyatakan tadi. Kajian ini juga dapat memberi huraian tentang istilah yang digubal dari segi morfologi dan semantik, seterusnya dapat memperlihatkan pola perubahan bentuk istilah setelah sekian lama berlangsungnya kegiatan penggubalan istilah. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat membantu membolehkan pembentukan istilah-istilah baru dengan lebih jitu, penguraian idea yang lebih persis, dan pada amnya dapat memperkembangkan atau membangunkan bahasa dengan cara teratur tanpa percanggahan pendapat yang asas.

1.9 DEFINISI ISTILAH

Berikut ialah definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam penulisan kajian ini :

Bahasa.

Menurut Asmah Haji Omar (1985 : 4) bahasa ialah sistem lambang yang digunakan oleh manusia sebagai alat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Menurut beliau lagi, bahasa bersifat mengikut keperluan dan kehendak manusia yang menggunakan. Dan oleh sebab keperluan manusia sentiasa berubah-ubah dari masa ke masa, maka itulah sebabnya bahasa sentiasa berubah. Faktor inilah yang dijadikan landasan dalam kajian ini.

Bahasa asing.

Bahasa selain bahasa serumpun sesuatu bahasa (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 5). Misalnya, salah satu bahasa asing bagi bahasa Melayu ialah bahasa Inggeris.

Bahasa serumpun.

Bahasa-bahasa mempunyai hubungan genetik dengan sesuatu bahasa lain. Bahasa-bahasa tersebut mempunyai persamaan terutama dari segi kosa kata, yang mengikut pola-pola tertentu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 4). Misalnya, bahasa Melayu adalah bahasa yang serumpun dengan bahasa Jawa, Sunda, Banjar, Iban.

Bentuk istilah.

Rupa unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, penggabungan atau penggandaan (Felber, H., 1995 : 144).

Istilah.

Istilah ialah lambang linguistik yang berupa huruf, bentuk bebas atau gabungan beberapa bentuk bebas yang gramatis dan sistematik, yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu, dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar melalui jawatankuasa bidang berkenaan (Felber, H.,1995 : 142). Misalnya, ‘fotosintesis’, ‘karnivor’, dan ‘debunga’ ialah istilah dalam bidang biologi.

Istilah asing.

Istilah dalam bahasa asing yang mempunyai konsep tertentu dalam bahasa berkenaan. Beberapa syarat tertentu dalam pembentukan istilah perlu diikuti apabila meminjam istilah asing (Hassan Ahmad, 1992 : 6). Dalam kajian ini, istilah asing lazimnya merujuk pada istilah bahasa Inggeris.

Istilah sasaran.

Istilah padanan bagi istilah asing yang dibentuk melalui penterjemahan makna rujukan. Proses pembentukan istilah sasaran lazimnya melibatkan penggunaan kata akar, pengimbuhan, penggabungan atau penggandaan (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 8-9). Dalam kajian ini istilah sasaran merujuk pada bahasa Melayu.

Kata.

Bentuk bahasa yang terkecil, mengandungi makna yang lengkap dan dapat berdiri sendiri dalam ayat. Sesuatu kata boleh dibentuk daripada satu morfem atau lebih (Nik Safiah Karim et. al.,1989 : 19).

Kata akar.

Menurut Felber (1995 : 144) kata akar merupakan morfem peristilahan yang secara langsung dapat berdiri sendiri sebagai istilah atau yang digunakan sebagai dasar dalam pembentukan istilah yang lebih luas. Misalnya, ‘kitar’ boleh membentuk istilah lain seperti ‘berkitar’ dan ‘kitaran’.

Morfologi.

Kajian tentang morfem dan pembinaan perkataan dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 286).

Pendekatan diakronik.

Penyelidikan yang membandingkan data daripada dua tempoh masa yang berlainan (Alison Wray et. al., 1998 : 127).